

U 8603 DEB
MAHATHIR - BANK

KUALA LUMPUR, 20 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERIDR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA INSTITUSI KEWANGAN YANG MENJADI KOMPONEN PENTING DALAM SISTEM KEWANGAN NEGARA SUPAYA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH PENTING BAGI MENINGKATKAN KEGIATAN SEKTOR SWASTA DALAM AKTIVITI EKONOMI.

PENINGKATAN PERANAN SEKTOR SWASTA PERLU KERANA IA MERUPAKAN SALAH SATU ASAS PERKEMBANGAN EKONOMI MASA DEPAN, KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN BANGUNAN ARAB-MALAYSIAN SETINGGI 26 TINGKAT DISINI.

BELIAU MENEGASKAN PENTINGNYA INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN BERKERJASAMA SUPAYA SEKTOR SWASTA DAPAT MENINGKATKAN PERANAN MEREKA.

KATANYA, BANK PERDAGANGAN, SYARIKAT KEWANGAN DAN BANK SAUDAGAR DI NEGARA INI TERUS MENGALAMI PERKEMBANGAN YANG MEMUASKAN WALAUPUN SEMASA KELEMBAPAN EKONOMI SEKARANG.

+SAYABERHARAP BANK-BANK SAUDAGAR AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN AKTIF BAGI MEMBANTU PARA PENGUSAHA DAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN DALAM MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI-AKTIVITI PERDAGANGAN, PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN, + TAMBAH BELIAU. -- LAGI
1945MST 20 11 87

U 8604 DEB
MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA BANK-BANK SAUDAGAR MEMAINKAN PERANAN AKTIF BAGI MEMBANGUNKAN KEGIATAN PASARAN CAGARAN KEDUA YANG BARU OIJALANKAN OLEH CAGAMAS BERHAD.

PASARAN CAGARAN KEDUA INI BERTUJUAN MEMBEBASAKAN INSTITUSI KEWANGAN DARIPADA TERUS MEMEGANG PINJAMAN PERUMAHAN DENGAN CARA MENJUAL CAGARAN PINJAMAN PERUMAHAN ITU KEPADA CAGAMAS, KATANYA.

BELIAU JUGA MEMUJI LANGKAH ARAB MALAYSIAN MERCHANT BANKERS YANG MENJADI BANK SAUDAGAR PERTAMA MEMEGANG EKUITI DALAM SEBUAH FIRMA BROKER SAHAM DAN BERHARAP BANK-BANK SAUDAGAR LAIN YANG LAYAK SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH SEUMPAMA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENINGATKAN INSTITUSI KEWANGAN NEGARA INI BAHAWA MEREKA SEBENARNYA BUKAN BERNIAGA DENGAN DUIT ATAU WANG TETAPI YANG MENJADI KOMODITI JUAL-BELI MEREKA IALAH +AMANA+.

PELANGGAN-PELANGGAN INSTITUSI KEWANGAN, SAMA ADA YANG MENYIMPAN, MEMINJAM ATAU MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN, SEPERTI CEK, SURAT JAMINAN KREDIT DAN NEGOTIABLE CERTIFICATE BERBUAT DEMIKIAN KERANA KEPERCAYAAN MEREKA TERHADAP INSTITUSI ITU, KATANYA. -- LAGI
1948MST 20 11 87

D695

U 8605 DEB
MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR

JIKA TIDAK KERANA KEPERCAYAAN TERHADAP AMANAH, SESEORANG PELANGGAN TIDAK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN BANK SEBAB YANG MEREKA DAPATI DARIPADA KEPERCAYAAN ITU IALAH SURAT ATAU KERTAS YANG TIDAK MEMPUNYAI HARGA SENDIRINYA.

HANYA YANG MENENTUKAN NILAI BAGI KERTAS-KERTAS ITU IALAH KEPERCAYAAN BAHAWA BANK AKAN MENUNAIKAN JANJI YANG TERDAPAT PADA KERTAS BERKENAAN, KATA PERDANA MENTERI.

+OLEH KERANA KOMODITI YANG TERPENTING YANG DIPERNIAGAKAN OLEH BANK-BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN IALAH AMANAH, MAKA MEREKA MESTILAH MENENTUKAN BAHAWA SEBARANG JANJI YANG DIBUAT AKAN DIHORMATI SERATUS PERATUS, + TEGAS BELIAU.

NEGARA JUGA TIDAK BOLEH MEMBIARKAN PENGURUSAN BANK YANG TIDAK JUJUR KERANA SELURUH MASYARAKAT PERNIAGAAN DAN PENGUSAHA TIDAK AKAN MENGADAKAN HUEUNGAN DENGAN SEBUAH NEGARA YANG TERKENAL DENGAN ANGGOTA BANKNYA YANG TIDAK BERAMANAH, TAMBAHNYA. -- BERNAMA
1959MST 20 11 87